Tadbir Urus

Pengaturan tadbir urus Bank Negara Malaysia (BNM) memastikan bahawa BNM terus melaksanakan mandatnya secara berkesan untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Pengaturan ini diperuntukkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA) dan undang-undang lain yang ditadbir oleh BNM, serta dasar dalaman yang dibangunkan sejak sekian lama. Rangka kerja tadbir urus BNM kekal selaras dengan amalan terbaik global dan piawaian industri.

Lembaga Pengarah

Di bawah CBA, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan dan operasi BNM. Hal ini bertujuan untuk memastikan BNM melaksanakan mandatnya dan kekal kukuh dari segi kewangan dan operasi serta sumber-sumber BNM digunakan dengan cekap dan berkesan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada Gabenor yang merupakan Pengerusi, tiga Timbalan Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta enam Ahli Bukan Eksekutif Bebas yang membentuk majoriti Lembaga Pengarah. Gabenor dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas Lembaga Pengarah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, manakala Timbalan-timbalan Gabenor dilantik oleh Menteri Kewangan. Gabenor berkhidmat untuk tempoh boleh diperbaharui selama lima tahun, manakala Timbalan-timbalan Gabenor dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas berkhidmat untuk tempoh boleh diperbaharui selama tiga tahun. Ketua Setiausaha Perbendaharaan kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah selagi beliau memegang jawatan.

Pada tahun 2024, Lembaga Pengarah terus melaksanakan pengawasan dan menawarkan nasihat mengenai operasi dan pelaksanaan mandat BNM dalam persekitaran perkembangan ekonomi global dan dalam negeri yang mencabar. Lembaga Pengarah sentiasa diberikan maklumat mengenai perkembangan berkaitan ringgit, berserta langkah-langkah yang diambil untuk membanteras penipuan kewangan dan mengurangkan kesan penetapan semula premium bagi produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan, susulan kenaikan inflasi perubatan. BNM juga melibatkan Lembaga Pengarah untuk menyokong usaha BNM menggalakkan kewangan Islam dan memperkukuh pengawasan aktiviti kredit pengguna bukan bank di samping bekerjasama dengan Kerajaan dalam pelaksanaan pembaharuan struktur.

Prestasi keseluruhan BNM, penunjuk prestasi bagi tahun 2024 dan keutamaan Pelan Urusan BNM diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mengawasi dengan teliti usaha BNM yang berterusan dalam menguruskan risiko, memperkukuh persekitaran keselamatan siber, memodenkan infrastruktur teknologi maklumat untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi, mengurangkan jejak karbon BNM serta memperteguh budaya kerja yang utuh selaras dengan hasil utama dan nilai-nilai organisasi BNM. Lembaga Pengarah menunjukkan minat yang tinggi terhadap keutamaan dan pelan BNM untuk Kepengerusian Malaysia untuk ASEAN dan ASEAN+3 pada tahun 2025 serta perkembangan persediaan bagi Penilaian Bersama 2025 oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan untuk menilai keberkesanan sistem pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and countering financing of terrorism*, AML/CFT) Malaysia.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 untuk memantapkan lagi amalan tadbir urus bagi memastikan BNM kekal sejajar dengan amalan terbaik korporat. Hal ini termasuk penambahbaikan rangka kerja pelantikan dan pelantikan semula ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi mengekalkan kebebasan Lembaga Pengarah serta meningkatkan keberkesanannya. Dasar konflik kepentingan Lembaga Pengarah juga turut diperkukuh untuk terus menambah baik pengurusan konflik dengan dilengkapi proses yang jelas. Pengukuhan dasar ini membuktikan komitmen BNM untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi.

Lembaga Pengarah juga melaksanakan penilaian kendiri untuk mengukur keberkesanannya sepanjang tahun 2024 pada peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Secara keseluruhannya, Lembaga Pengarah berpuas hati dengan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus yang berkesan dan operasi jawatankuasa yang berjaya menyokong peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah. Melangkah ke hadapan, pelan selanjutnya untuk memperkukuh prestasi dan keberkesanan Lembaga Pengarah telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan sepanjang tahun.

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga. Ketiga-tiga jawatankuasa ini hanya dianggotai oleh Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas. Setiap jawatankuasa ditadbir oleh Terma Rujukan masing-masing yang bertujuan untuk menyokong Lembaga Pengarah dan melaksanakan fungsi semak dan imbang dalaman terhadap pengurusan dan operasi BNM.

Pada tahun 2024, Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah membincangkan perkara-perkara penting termasuk rancangan penggantian Lembaga Pengarah dan inisiatif untuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus Lembaga Pengarah, keberkesanan pengurusan risiko organisasi dan pelan kesinambungan urusan BNM, audit kawalan risiko dan tenaga kerja, penambahbaikan rangka kerja dan pendekatan audit serta penerapan teknologi dengan lebih meluas, terutamanya berkaitan analitik data.

Gambar Rajah 1: Jawatankuasa Lembaga

	Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (BGC)	Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC)	Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC)
Pengerusi	**Tan Sri Mohamed Azman Yahya**	**Puan Chin Suit Fang**	**Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**
Ahli	• **Puan Chin Suit Fang** • **Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**	• **Dr. Nungsari Ahmad Radhi** • **Dato' Sheranjiv a/l M Sammanthan**	• **Tan Sri Mohamed Azman Yahya** • **Dr. Nungsari Ahmad Radhi** • **Puan Siti Hurrairah Sulaiman**
Peranan dan Tanggungjawab	Mengawasi rangka kerja dan amalan tadbir urus BNM. Menilai dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan belanjawan, pelan urusan dan polisi imbuhan BNM. Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan dan pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa BNM yang ditubuhkan di bawah Akta, seperti: • Jawatankuasa Dasar Monetari • Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan • Majlis Penasihat Shariah • Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari	Mengawasi integriti akaun dan penyata kewangan BNM. Mengawasi kecukupan kawalan dalaman dan pematuhan BNM terhadap keperluan undang-undang dan dasar dalaman. Menilai dan meluluskan rangka kerja audit, piagam audit, pelan audit dalaman dan laporan audit BNM, serta mengawasi tindakan susulan oleh pihak pengurusan dalam menangani hasil siasatan yang penting (*material findings*).	Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi BNM. Mengawasi pengurusan BNM terhadap risiko kewangan, operasi, reputasi dan teknologi maklumat serta keselamatan siber, termasuk tadbir urus risiko, struktur dan akauntabiliti.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menurut peruntukan undang-undang, Lembaga Pengarah dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan. Pada tahun 2024, Lembaga Pengarah mencatatkan kadar kehadiran sebanyak 95% bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan 98.3% bagi mesyuarat pelbagai Jawatankuasa Lembaga, seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jawatan	Ahli	Lembaga	BGC	BAC	BRC
Pengerusi	Dato' Seri Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour	12/12			
Ahli Ex officio	Datuk Jessica Chew Cheng Lian	12/12			
	Dato' Marzunisham Omar	12/12			
	Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid	12/12			
	Datuk Johan Mahmood Merican *(Ketua Setiausaha Perbendaharaan)*	7/12[2]			
Ahli Bukan Eksekutif Bebas	Puan Chin Suit Fang	12/12	5/5	8/8	
	Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon	11/12[2]	5/5	1/1[3]	4/4
	Tan Sri Mohamed Azman Yahya	12/12	5/5		4/4
	Dr. Nungsari Ahmad Radhi	12/12	1/1[3]	8/8	4/4
	Dato' Kamarulazman Muhamed[1]	12/12	2/2[3]	8/8	3/4[2]

[1] Bersara pada 31 Disember 2024.
[2] Tidak hadir berikutan komitmen yang tidak dapat dielakkan.
[3] Bukan ahli yang hadir atas undangan, untuk memberikan maklumat kepada Ahli Bukan Eksekutif Bebas tentang hal-ehwal khusus yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota Penghargaan:
Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dato' Kamarulazman Muhamed atas sumbangan beliau kepada BNM dan Lembaga Pengarah sejak 1 Januari 2022.

Program Induksi dan Pembangunan Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas terdiri daripada individu kanan dan berpengalaman daripada pelbagai latar belakang profesional termasuk bidang ekonomi, perakaunan dan kewangan, perbankan dan insurans, pengurusan risiko dan audit. BNM mendapat manfaat daripada kebijaksanaan dan bimbingan kolektif ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pengetahuan mereka yang mendalam tentang isu-isu berkaitan sektor kewangan, sektor perniagaan dan sektor awam yang terus menyokong pengawasan operasi BNM yang berkesan dan menyumbang kepada pemakluman tindak balas dasar yang sewajarnya.

Sepanjang tempoh perkhidmatan mereka, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas menyertai program pembangunan yang menyentuh tema kontemporari dan terlibat dalam wacana dasar bersama pengurusan dan kakitangan BNM mengenai isu-isu teras yang mempengaruhi bank pusat. Isu-isu ini termasuk topik khusus yang penting seperti operasi perbendaharaan, pengurusan rizab dan operasi swap, infrastruktur pasaran kewangan serta kecerdasan buatan generatif dan analitik data. Program dan wacana ini akan membantu ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk memperdalam pengetahuan dan melaksanakan peranan pengawasan mereka secara berkesan.

Lembaga Pengarah



Barisan hadapan (duduk dari kiri ke kanan)

Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Jessica Chew Cheng Lian
Ahli Ex officio

Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour
Pengerusi

Puan Chin Suit Fang
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Puan Siti Hurrairah Sulaiman
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Barisan Belakang (berdiri dari kiri ke kanan)

Dato' Sheranjiv a/l M Sammanthan
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Ahli Ex officio

Dato' Marzunisham Omar
Ahli Ex officio

Datuk Johan Mahmood Merican
Ahli Ex officio

Dr. Nungsari Ahmad Radhi
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Tan Sri Mohamed Azman Yahya
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Lembaga Pengarah



Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour

Pengerusi

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 16 Julai 2016

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Oxford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Felo Chartered Banker, Asian Institute of Chartered Bankers

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Ahli, Lembaga Gabenor Pusat SEACEN
- Ahli Majlis dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Islamic Financial Services Board
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Ahli, Lembaga Pentadbir International Islamic Liquidity Management Corporation

Pengalaman Lepas

- Timbalan Gabenor dan ahli Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif Silih Ganti, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa



Datuk Jessica Chew Cheng Lian

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2018

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan), University of Melbourne, Australia
- Chartered Banker Institute (Scotland)
- Asian Institute of Chartered Bankers
- CPA Australia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Danamodal Nasional Berhad
- Ahli Silih Ganti, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Lepas

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Penasihat, Lembaga Pengarah Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Finance Accreditation Agency Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
- Ahli, Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Ahli, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Lembaga Pengarah



Dato' Marzunisham Omar

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 15 Jun 2020

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Lembaga Pengarah ASB Management Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Gabenor Asia School of Business
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Pengerusi, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram
- Ahli, Lembaga Penasihat Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional
- Profesor Adjung, Universiti Utara Malaysia

Pengalaman Lepas

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa



Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 September 2023

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Dasar Awam, Blavatnik School of Government, University of Oxford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains Ekonomi Pasaran Global, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Chartered Professional in Islamic Finance

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah International Islamic Liquidity Management Corporation
- Ahli, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Ahli, Lembaga Pengarah International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) University
- Ahli, Majlis Kepimpinan Malaysia International Islamic Finance Centre
- Profesor Adjung, Universiti Malaysia Terengganu

Pengalaman Lepas

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Ahli, Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Maybank Venture Capital Company Sdn. Bhd.
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Islamic Financial Services Board
- Ahli, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Lembaga Pengarah



Datuk Johan Mahmood Merican

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 27 Februari 2023

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Akauntan Bertauliah Bersekutu, Institute of Chartered Accountants in England and Wales

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi, MySalam
- Ahli, Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Lepas

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Pengarah Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Ketua Pegawai Eksekutif, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)
- Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), Unit Perancang Ekonomi



Puan Chin Suit Fang

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 November 2019

Kelulusan

- Institut Akauntan Malaysia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Pengalaman Lepas

- Rakan Kongsi, PwC Malaysia
- Ketua Pasaran PwC Malaysia dan PwCMYVN (Malaysia dan Vietnam)
- Ketua Corporate Responsibility dan Diversity & Inclusion, PwC Malaysia
- Ahli, PwC Global Gender Advisory Council
- Mentor untuk Wanita dalam Kepimpinan Malaysia oleh ICAEW dan TalentCorp Malaysia

Lembaga Pengarah



Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 16 Mac 2020

Qualifications

- Kelayakan pascasiswazah dalam Perubatan Insurans
- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, University of Mysore, India

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Aviva Singlife Holdings Private Limited (Singapura)
- Ahli, Lembaga Pengarah Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Pengarah Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd.

Pengalaman Lepas

- Ahli, Lembaga Pengarah AXA Affin General Insurance Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Avicennia Capital Sdn. Bhd.
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, ING Malaysia Berhad
- Naib Presiden Eksekutif dan Ketua, Designated Markets & Health Asia, MetLife Asia Pacific Limited
- Ketua Asia Selatan, ING Asia Pacific Limited
- Pegawai Perubatan, Hospital Kuala Lumpur



Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Jun 2020

Qualifications

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Institute of Bankers Malaysia
- Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Symphony House Sdn. Bhd.
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Sepang International Circuit Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Beringin Land Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Pengarah Azman & Sons Sdn. Bhd.

Pengalaman Lepas

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Ranhill Utilities Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad*
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah AIA Group Limited
- Ahli, Lembaga Pengarah PLUS Expressways Berhad
- Ahli PEMUDAH, Yayasan Laporan Kewangan dan Kumpulan Penasihat Pasaran Kewangan, Jawatankuasa Khas Ekonomi Malaysia

* Juga berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebelum dilantik sebagai Pengerusi.

Lembaga Pengarah



Dr. Nungsari Ahmad Radhi

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 15 Februari 2023

Kelulusan

- Doktor Falsafah (Ekonomi), Purdue University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Sains (Matematik), Southern Illinois University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi dan Matematik), Southern Illinois University, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad
- Ahli, Jawatankuasa Penasihat Dasar kepada Perdana Menteri
- Pengarah, Ratulin Sdn. Bhd.
- Pengarah, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Institut Penyelidikan Khazanah
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Rahimah binti Yusof

Pengalaman Lepas

- Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Penyelidikan dan Strategi di Khazanah Nasional Berhad
- Pengarah Urusan, Prokhas Sdn. Bhd.
- Pegawai Utama, Lembaga Pengarah DanaInfra Nasional Berhad
- Pegawai Utama dan Ahli, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Pegawai Utama dan Ahli, Lembaga Pengarah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Commerce Tijari Bank/CIMB Islamic Bank Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia



Dato' Sheranjiv a/l M Sammanthan

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2025

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan), University of Birmingham, United Kingdom
- Felo, Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Felo, Institute of Corporate Directors Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, S.P. Setia Berhad
- Pengasas Bersama dan Pengarah Eksekutif Fitrah Capital Associates LLC
- Pengarah, Battersea Project Holding Company Limited
- Pemegang Amanah, Yayasan Munarah

Pengalaman Lepas

- Rakan Kongsi/Pengarah Eksekutif/Pengurus Kanan, PwC Kuala Lumpur dan PW/PwC London
- Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan di Khazanah Nasional Berhad
- Pengarah, Khazanah Europe Investment Limited
- Wakil untuk Khazanah Nasional Berhad, Institutional Investor Council of Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Taman Tugu Project Development Sdn. Bhd.
- Pengarah Bukan Eksekutif, Malaysia Aviation Group Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, UEM Sunrise Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, UEM Land Berhad
- Ahli Jawatankuasa Audit, M+S (Pte) Limited, Singapura
- Pemegang Amanah, Yayasan Hasanah

Lembaga Pengarah



Puan Siti Hurrairah Sulaiman

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2025

Kelulusan

- Ijazah Kejuruteraan Mekanikal, Imperial College London, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi Negara, Shell Malaysia
- Naib Presiden Kanan, Shell Upstream and Integrated Gas Business di Malaysia
- Pengarah dan Lembaga Pengarah pelbagai entiti Shell di Malaysia

Pengalaman Lepas

- Kumpulan Shell
  - Naib Presiden, Technical Asset Operations (Global)
  - Naib Presiden, Integrated Gas Ventures East (Regional)
  - Pengurus Besar, Global Operations Commercial Services in Shell's Trading and Supply United Kingdom
  - Pengurus Aset dan Pengarah, Sabah Shell Petroleum Company Limited
- Wakil Shell sebagai Ahli Lembaga Pengarah Brunei LNG (Brunei), Shell Middle Distillate Synthesis (Malaysia) dan ex-British Gas Companies (India)

Pengurusan Kanan

Seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009, Gabenor bertanggungjawab terhadap pengurusan BNM dalam melaksanakan mandat yang diberikan kepada BNM. Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab ini, Gabenor dibantu oleh pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada para Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor. Struktur organisasi BNM bertujuan untuk menggalakkan saluran pelaporan dan akauntabiliti yang jelas bagi pelbagai fungsi BNM.

Pelbagai jawatankuasa pengurusan juga ditubuhkan bagi membolehkan pasukan pengurusan kanan dan pegawai kanan lain turut sama dalam perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai urusan BNM, khususnya yang melibatkan strategi organisasi dan keutamaan terpenting. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini termasuk jawatankuasa dasar seperti Jawatankuasa Kestabilan Kewangan serta Jawatankuasa Dasar Bersama, iaitu sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan pelbagai isu serta menyelaraskan dasar-dasar yang memberikan impak kepada sistem kewangan dan ekonomi secara amnya. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan membolehkan BNM memanfaatkan pelbagai latar belakang kepakaran dan pandangan daripada seluruh organisasi untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada perbincangan secara terbuka dan berterus-terang.

Dengan sokongan struktur pengurusan sedemikian, pihak pengurusan kanan menetapkan dasar-dasar dalaman serta menerajui operasi BNM bagi memastikan BNM berupaya mencapai matlamatnya, melaksanakan fungsinya serta menggunakan sumber-sumbernya secara berkesan, berhemat dan selaras dengan kepentingan BNM, demi memberikan manfaat kepada negara.

Jawatankuasa Pengurusan



Barisan hadapan (duduk dari kiri ke kanan)

Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Timbalan Gabenor

Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor

Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor

Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor

Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor

Barisan belakang (berdiri dari kiri ke kanan)

Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor

Suhaimi Ali
Penolong Gabenor

Fraziali Ismail
Penolong Gabenor

Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor

Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid
Penolong Gabenor

Madelena Mohamed
Penolong Gabenor

Pegawai-Pegawai Kanan

Gabenor	Abdul Rasheed Ghaffour
Timbalan Gabenor	Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor	Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor	Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Penolong Gabenor	Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor	Fraziali Ismail
Penolong Gabenor	Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor	Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor	Suhaimi Ali
Penolong Gabenor	Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid
Penolong Gabenor	Madelena Mohamed
Penolong Gabenor	Abu Hassan Alshari Yahaya *(dilantik sebagai Ketua, Pasukan Petugas Khas Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna)*
Setiausaha Lembaga Pengarah	Suhanna Omar
Pejabat Gabenor	—
Audit Dalam	Kamarul Nazim Yop Ahmad
Pengurusan Risiko	Beh Cheng Hoon
Pejabat Etika dan Integriti	Santamarie Shamni Arulanandam
Undang-Undang	Mohd Sofiyuddin Ahmad Tabrani
Kelestarian	Raja Syamsul Anwar Raja Mohammed Affandi
Komunikasi Strategik	Shasha Kartini Ridzam
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Mohd Fuad Arshad
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Daniel Chin Shen Li
Dasar Kewangan Pruden	Cindy Siah Hooi Hoon
Konsumer dan Amalan Pasaran	—
Dasar Perkhidmatan Pembayaran	Qaiser Iskandar Anwarudin
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Hong Chin Pheng
Penyeliaan Perbankan	Mohd Zabidi Md Nor
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Hoo Hon Shiong
Pakar Risiko dan Penyeliaan Teknologi	Hew Ee-Lu
Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran	Zarifa Izan Zainol Abidin
Pembangunan dan Inovasi Kewangan	Lau Chin Ching
Sistem Kewangan Islam	Nurul Izza Idris
Rangkuman Kewangan	Nor Rafidz Nazri
LINK dan Pejabat BNM	Thomas Tan Koon Peng

Pelaburan	Shahredza Minhat
Operasi dan Pembangunan Pasaran	Nurashiqin Asri
Risiko dan Infrastruktur Perbendaharaan	Muhamad Jamil Fathi Jamaludin
Dasar Pertukaran Asing	Albert See Choon Kwang
Ekonomi	Idwan Suhardi Hakim
Dasar Monetari	Dr. Mohamad Hasni Sha'ari
Antarabangsa	Ida Harniza Johar
Pengurusan Data dan Statistik	Ong Li Ming
Ketua Pegawai Informasi	Tay Gim Soon
Teknologi Korporat	Victor Khor Eng Swee
Infrastruktur Teknologi Digital	Ahmad Affzan Mokhtar Anuar
Keselamatan Siber	Aizuddin Mohd Ghazali
Infrastruktur Pasaran Kewangan	Noor Hazama Fadhilah Abdullah
Modal Insan	Nurashikhin Md. Sharif
Mata Wang	Mohamad Zaini Ab Jabbar
Kewangan	Toh Ying Ying
Ketua Pegawai Perkhidmatan	Affendi Rashdi
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	Razman Samsudin
Hospitaliti dan Muzium	Noreen Zulkepli
Pengurusan Keselamatan Organisasi	Ahmad Azaharudin Mohd Anuar
Perolehan Berpusat	Zulkippli Haron
Pentadbiran dan Perkhidmatan Korporat	Hairi Adam
Pejabat Perwakilan Beijing	Mohd Faizal bin Md. Fathil
Pejabat Perwakilan London	Hasman Farid bin Mohd Ali Noh
Pejabat Perwakilan New York	Ahmad Abrar Shamsuddin
Pejabat Wilayah BNM Johor Bahru	Rosnani Mahamad Zain
Pejabat Wilayah BNM Pulau Pinang	Panimoli Kalidass
Pejabat Wilayah BNM Kuching	Rantai ak Naga
Pejabat Wilayah BNM Kota Kinabalu	Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini
Pejabat Wilayah BNM Kuala Terengganu	Zambre Ismail

BANK NEGARA MALAYSIA

Struktur Organisasi



Pada 24 March 2025

Jawatankuasa Berkanun

Tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi beberapa bidang tertentu diletakkan di luar bidang kuasa pihak Lembaga Pengarah mahupun pihak Pengurusan BNM. Bidang-bidang tersebut diuruskan oleh badan-badan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jawatankuasa Dasar Monetari

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi negara. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA 2009), Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar berkaitan dengan cara mengendalikan operasi dasar monetari. MPC menetapkan kadar faedah dasar, yang juga dikenali sebagai Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), yang mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan dasar monetari berdasarkan penilaiannya terhadap imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan inflasi dan ekonomi Malaysia . MPC juga memantau risiko keadaan kewangan yang tidak seimbang memandangkan implikasi risiko ini yang menggugat kestabilan ekonomi. MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat diadakan, Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) disiarkan untuk memberikan penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan-Timbalan Gabenor, dan ahli lain yang tidak kurang daripada tiga tetapi tidak melebihi tujuh orang. Keahlian ini termasuk ahli dari luar BNM yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas saranan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga BNM. Pada masa ini, MPC mempunyai sepuluh orang ahli, dengan tiga daripadanya adalah ahli dari luar BNM. Komposisi keahlian MPC ini bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman yang sangat penting untuk membuat keputusan mengenai dasar monetari yang tepat.

Ahli-ahli*

Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour (Pengerusi)

Datuk Jessica Chew Cheng Lian

Dato' Marzunisham Omar

Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Dr. Norhana Endut

Fraziali Ismail

Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid

Nor Zahidi Alias *(Ahli Luar)*

Lim Chee Sing *(Ahli Luar)*

Datuk Yogeesvaran Kumaraguru *(Ahli Luar)*

* Pada 24 Mac 2025

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) ditubuhkan pada tahun 2010 mengikut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Jawatankuasa Eksekutif ini membantu BNM dalam pelaksanaan mandat berkanunnya, iaitu memelihara kestabilan kewangan melalui kuasa yang diberikan bagi menentukan langkah-langkah dasar khusus yang boleh diambil oleh BNM untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Dalam pelaksanaan mandatnya, Jawatankuasa Eksekutif ini menyemak, menilai dan memutuskan cadangan BNM bagi:

- mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh BNM supaya mengambil langkah-langkah tertentu demi kepentingan kestabilan kewangan;
- memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh BNM, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak berdaya maju atau mungkin tidak akan berdaya maju.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan fungsi pengantaraan kewangan yang berterusan dan berkesan, termasuk fungsi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang teratur, serta memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dan kebanyakannya merupakan ahli bukan eksekutif yang tidak terlibat dengan Pengurusan BNM. Ahli-ahlinya tertakluk pada Kod Etika dan Konflik Kepentingan, yang bertujuan untuk memelihara integriti keputusan Jawatankuasa Eksekutif ini. Pada tahun 2024, Jawatankuasa Eksekutif ini bermesyuarat sebanyak dua kali untuk membincangkan perkembangan dan penilaian risiko kestabilan kewangan dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu berpunca daripada ketidakpastian berterusan berhubung dengan dasar di ekonomi utama serta perkembangan konflik geopolitik.

Ahli-ahli*

Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour (Pengerusi)

Dato' Marzunisham Omar

Datuk Johan Mahmood Merican *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Dato' Mohammad Faiz Azmi *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Rafiz Azuan Abdullah *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Dato' Abdul Rauf Rashid *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Wong Chee Lin *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

* Pada 24 Mac 2025

Majlis Penasihat Shariah

Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Syariah tertinggi bagi institusi kewangan Islam di Malaysia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009) menggariskan peranan dan fungsi MPS sebagai badan berautoriti untuk menentukan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam yang dikawal selia oleh BNM.

Keputusan Syariah yang dibuat oleh MPS menjadi sumber rujukan institusi kewangan Islam bagi memastikan operasi perniagaan mereka mematuhi prinsip Syariah. Selain itu, keputusan MPS juga digunakan sebagai rujukan mahkamah dan penimbang tara. Dalam hal ini, MPS menetapkan keperluan utama dengan mengambil kira pelbagai pandangan Syariah, penyelidikan, serta amalan setempat dan pasaran. Oleh itu, MPS memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan kepastian amalan Syariah serta mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap industri kewangan Islam.

Ahli-ahli MPS dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kini, MPS mempunyai tujuh ahli yang terdiri daripada sarjana dan pengamal Syariah yang berpengalaman luas di dalam dan luar negara, terutamanya dalam bidang Syariah, undang-undang serta ekonomi dan kewangan Islam.

Pada tahun 2024, MPS bermesyuarat sebanyak sepuluh kali untuk membincangkan dan menangani isu-isu yang mendesak serta tindakan bagi mengukuhkan impak pembangunan jangka panjang terhadap ekosistem kewangan Islam di Malaysia.

Ahli-ahli*

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi)

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (Timbalan Pengerusi)

Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar Haji Opir

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Dr. Marjan Muhammad

Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Burhanuddin Lukman

Zainal Abidin Jamal[1]

Tan Sri Mohd Zawawi Salleh[2]

[1] Tempoh perkhidmatan berakhir pada 31 Oktober 2024.
[2] Tempoh perkhidmatan berakhir pada 31 Disember 2024.
* Setakat 24 Mac 2025

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (JSPM) ialah jawatankuasa bebas yang dibentuk di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan seksyen 249 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA). JSPM mempertimbangkan rayuan daripada perayu (individu atau institusi) terhadap penalti monetari pentadbiran (*administrative monetary penalty*, AMP) atau remedi kewangan yang dikenakan oleh BNM dalam menggunakan kuasa penguatkuasaan pentadbiran di bawah FSA, IFSA, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Mata Wang 2020 (Currency Act 2020, CA).[1]

JSPM menyediakan saluran bebas bagi pihak-pihak yang terkilan untuk membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh BNM. JSPM boleh membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan keputusan BNM atau menghendaki BNM mempertimbangkan semula keputusannya dan mencapai suatu keputusan mengikut dapatan JSPM. Ahli-ahli JSPM dilantik oleh Menteri Kewangan dalam kalangan Ahli Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah BNM atau individu luar lain atas saranan BNM.

Ahli-ahli*

Tan Sri Hasan Lah (Pengerusi)

Chin Suit Fang

Goh Ka Im

[1] Bagi CA, rayuan hanya boleh dilakukan terhadap AMP yang dikenakan oleh BNM.

* Pada 24 Mac 2025

Kewangan
Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 211

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 212

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 213

Kewangan
Bank Negara Malaysia



Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (BNM) membiayai sendiri operasi hariannya melalui pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan dalam rizab antarabangsa negara dan operasi am BNM yang lain. Bagi melaksanakan mandatnya dengan berkesan, BNM komited untuk bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam menguruskan kewangan untuk memastikan BNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, BNM mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM13.16 bilion (2023: RM7.16 bilion) berikutan jumlah pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM14.98 bilion (2023: RM8.77 bilion), setelah ditolak kos yang berkaitan dengan pengurusan portfolio rizab dan operasi monetari. Pendapatan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya didorong oleh pulangan pelaburan rizab antarabangsa yang lebih mantap dan aktiviti portfolio dalam pasaran pertukaran asing serta pasaran sekuriti global. Perbelanjaan organisasi berjumlah RM1.78 bilion pada tahun 2024 (2023: RM1.57 bilion), dengan kos kakitangan menyumbang kira-kira separuh daripada perbelanjaan tersebut.

Daripada keuntungan bersih sebanyak RM13.16 bilion, RM7.91 bilion (2023: RM4.31 bilion) akan dipindahkan kepada Rizab Risiko,[1] yang berjumlah RM147.90 bilion pada akhir tahun 2024 (2023: RM151.25 bilion).

Memandangkan rizab antarabangsa BNM adalah dalam mata wang asing, pengumpulan penampan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi menghadapi volatiliti dan kejutan dalam pasaran kewangan pada masa hadapan serta menguruskan risiko turun naik kadar pertukaran dalam landskap global yang tidak menentu. Baki keuntungan bersih sebanyak RM5.25 bilion akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen (2023: RM2.85 bilion).

Jumlah aset pada 31 Disember 2024 menurun kepada RM621.54 bilion (2023: RM631.74 bilion). Rizab antarabangsa terus menjadi sebahagian besar daripada aset BNM sebanyak 84% (2023: 82%).

Liabiliti BNM terdiri terutamanya daripada mata wang dalam edaran dan deposit oleh institusi kewangan, masing-masing berjumlah RM170.72 bilion dan RM131.92 bilion pada akhir tahun 2024 (2023: masing-masing RM161.82 bilion dan RM176.66 bilion).

[1] Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Nota: Muka surat '3 hingga 22' dalam Sijil Ketua Audit Negara merujuk muka surat 211 hingga 225 dalam Laporan ini.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Bank Negara Malaysia dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Negara Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 MAC 2025

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Abdul Rasheed Ghaffour dan Chin Suit Fang, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2024 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ABDUL RASHEED GHAFFOUR
PENGERUSI

25 FEBRUARI 2025
KUALA LUMPUR



CHIN SUIT FANG
PENGARAH

25 FEBRUARI 2025
KUALA LUMPUR